



جائزہ کے جواز اسلام ملبسبیا

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA  
**MALAYSIA**

Tel : 603-8870 7000  
Faks : 603-8870 7707  
Portal Rasmi : [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Ruj. Kami : JAKIM.BPI.800-5/1/1 Jld. 7 (25)  
Tarikh : 9 Oktober 2017

Semua Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jakim

السلامة على من رعا الله ودينه

Tuan/Puan,

**PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN BALIK MALAYSIA DAN KELUAR  
NEGARA BAGI PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH) JABATAN  
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengeluarkan satu Prosedur Permohonan Kebenaran balik Malaysia dan keluar negara bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz.
3. Prosedur ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara permohonan kebenaran untuk balik ke Malaysia atau melawat keluar negara. Borang permohonan boleh didapati di laman sesawang SPH <http://sph.islam.gov.my> dan pemohon hendaklah mengisi secara atas talian.
4. Prosedur ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Oleh itu tuan/puan dikehendaki mematuhi prosedur ini bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesulitan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJAH ZAWANAH BINTI MUHAMMAD)**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Insan  
b.p Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

---

**PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN BALIK MALAYSIA DAN KELUAR  
NEGARA BAGI PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

---

**TUJUAN**

Prosedur ini bertujuan untuk menetapkan tatacara permohonan kebenaran balik Malaysia dan melawat keluar negara bagi pelajar tajaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

**LATAR BELAKANG**

2. Prosedur Permohonan Kebenaran balik Malaysia dan keluar negara ini merupakan satu panduan kepada para Pelajar yang ingin memohon kebenaran balik Malaysia dan melawat keluar negara.
3. Prosedur ini juga membantu Pelajar memahami tatacara permohonan kebenaran balik Malaysia dan keluar negara sebagaimana yang diarahkan.
4. Prosedur ini juga bagi mengelakkan Pelajar daripada melanggar arahan pentadbiran SPH yang boleh menyebabkan SPH mengambil tindakan terhadap Pelajar.

**TATACARA PERMOHONAN KEBENARAN BALIK MALAYSIA  
DAN KELUAR NEGARA SECARA ATAS TALIAN**

1. Para Pelajar yang ingin memohon kebenaran balik Malaysia atau keluar negara hendaklah melalui proses berikut :

- 1.1 Mengemukakan permohonan secara atas talian **sekurang-nya-kurangnya dua (2) bulan sebelum balik Malaysia atau melawat keluar negara.**
- 1.2 Mengisi dengan lengkap Borang Permohonan Kebenaran Balik Malaysia atau melawat keluar negara secara atas talian di <http://sph.islam.gov.my>.
- 1.3 Pelajar hendaklah memuat naik dokumen seperti berikut :
  - 1.3.1 **Surat Kelulusan cuti / cuti semester / cuti tahunan dari Universiti.**
  - 1.3.2 **kalendar Akademik (bagi semester sedia ada / semester akan datang).**
  - 1.3.3 **Insurans kesihatan dan keselamatan (pelajar wajib mengambil insurans tersebut).**
- 1.4 Pelajar hendaklah mendapat sokongan daripada Pegawai Penyelaras SPH.
- 1.5 Pegawai Penyelaras SPH adalah seperti berikut :
  - 1.5.1 Mesir dan Jordan:- Us. Abdul Muhaimin bin Mahmood
- 1.6 Jakim akan memaklumkan keputusan permohonan melalui email.
- 1.7 **Hanya borang permohonan yang lengkap diisi sahaja akan diproses.**